

Lampiran 2

1) Berapakah jumlah cabutan yang ditawarkan BSN SSP untuk 2026?

- a) Untuk 2026, BSN SSP menawarkan sepuluh (10) kategori cabutan seperti dibawah:
- i) Cabutan Jutawan
 - ii) Cabutan Simpanan Konsisten
 - iii) Cabutan Negeri
 - iv) Cabutan Kesetiaan
 - v) Cabutan Penyimpan Baharu
 - vi) Cabutan Guru & Pekerja Barisan Hadapan
 - vii) Cabutan Penyimpan Muda
 - viii) Cabutan Akaun Gaji
 - ix) Cabutan Kasih
 - x) Cabutan Bulanan

2) Apakah syarat untuk melayakkan diri bagi Cabutan Jutawan ini?

- a) **Kelayakan bagi Cabutan Jutawan:**
- i) Simpanan Minimum: RM3,000
 - ii) Tempoh Simpanan: Minimum 60 hari
 - iii) Bagi bulan cabutan Ogos, pelanggan berumur 40 tahun dan ke bawah (*Had umur ialah 40 tahun, 11 bulan dan 30 hari*) yang layak akan menerima gandaan penyertaan.
- b) **Kelayakan untuk Hadiah Bonanza (*Bulan Disember*):**
- i) Simpanan baharu minimum RM3,000 pada 2026.
 - ii) Simpanan baharu minimum RM3,000 harus dilakukan selewatnya pada 30 Jun 2026 dan dikekalkan sehingga 31 Disember 2026.
- c) Berikut ialah tiga contoh situasi bagi menerangkan kelayakan tersebut:

Name	Contoh senario	Kelayakan
Pelanggan 1	Membuat simpanan baharu RM3,000 pada 10 Feb 2026 dan dikekalkan sehingga 31 Disember 2026.	Layak – Simpanan dibuat sebelum 30 Jun 2026 dan syarat mengekalkan simpanan baharu minimum RM3,000 sehingga 31 Disember 2026 telah dipenuhi.
Pelanggan 2	- Mempunyai sijil simpanan sedia ada sebanyak RM2,000 dan membuat simpanan baharu RM3,000 pada 1 April 2026, menjadikan jumlah baki dalam akaun RM5,000. - Membuat pengeluaran sebanyak RM1,000 daripada sijil simpanan sedia ada berjumlah RM2,000 pada 31 Disember 2026.	Layak - Simpanan baharu dibuat pada atau sebelum 30 Jun 2026. - Pengeluaran dibuat daripada sijil simpanan sedia ada, dan bukan daripada simpanan baharu. - Syarat mengekalkan simpanan baharu minimum RM3,000 sehingga 31 Disember 2026 telah dipenuhi

	Sijil simpanan baharu RM3,000 pada tahun 2026 dikekalkan sepenuhnya sehingga 31 Disember 2026.	
Pelanggan 3	- Mempunyai sijil simpanan sedia ada sebanyak RM2,000 setakat 30 Jun 2026. - Membuat simpanan tambahan RM10,000 pada 1 Ogos 2026	TIDAK Layak – Simpanan baharu tidak dibuat dalam tempoh kelayakan yang ditetapkan iaitu selewatnya pada 30 Jun 2026.

3) Apakah senarai negeri yang diambil kira bagi Cabutan Negeri?

- Johor
- Negeri Sembilan
- Kuala Lumpur
- Pahang
- Selangor
- Melaka
- Perak
- Terengganu
- Kedah / Perlis
- Kelantan
- Pulau Pinang
- Sabah
- Sarawak

4) Apakah Cabutan Bonus di bawah Cabutan Negeri dan bagaimana cara pelanggan layak menyertainya?

- BSN memperkenalkan Hadiah Bonus bernilai RM100,000 setiap bulan di bawah Cabutan Negeri di negeri yang menjadi tuan rumah Karnival BSN SSP bagi bulan tersebut.
- Untuk melayakkan diri bagi Hadiah Bonus, pelanggan perlu membuat simpanan BAHARU minimum RM500 di negeri yang menjadi tuan rumah Karnival BSN SSP sebelum bulan cabutan. Contoh: Sabah akan menjadi tuan rumah Karnival BSN SSP pada bulan Februari 2026 bagi Cabutan Bulan Januari. Pelanggan perlu membuat simpanan baharu minimum RM500 di Sabah sehingga 31 Januari 2026 untuk melayakkan diri.

Nota: Kelayakan untuk Cabutan Negeri akan dikira mengikut negeri tempat pembelian dibuat dan bukannya negeri pembukaan akaun pelanggan.

5) Apakah syarat kelayakan untuk Cabutan Penyimpan Baharu?

- Pelanggan perlu membuat simpanan minimum RM500 dan juga mestilah Pelanggan baharu kepada Bank. Pelanggan juga mesti mematuhi syarat bahawa pelanggan perlu berumur 12 tahun dan ke atas.

- b) Pelanggan baharu bank ditakrifkan sebagai pelanggan yang membuka akaun BSN SSP 12 bulan sebelum bulan cabutan.
- c) Cabutan Bulan Ogos: Layak bagi pelanggan berumur 40 tahun dan ke bawah.

6) Bagaimanakah hadiah mingguan bagi Cabutan Penyimpan Baharu dikira?

- a) BSN memperkenalkan hadiah mingguan bagi Cabutan Penyimpan Baharu mulai 1 Januari 2026.
- b) Pemenang akan dipilih setiap 7 hari, dengan jumlah keseluruhan 51 minggu bagi tahun 2026.
- c) Walaupun pemenang dipilih setiap minggu, pengumuman pemenang akan dibuat pada bulan cabutan kategori Penyimpan Baharu mengikut kalender Cabutan BSN SSP 2026; Februari, April, Jun, Ogos, Oktober dan Disember.
- d) Jadual Mingguan terperinci disertakan dalam Lampiran.

7) Berapakah had umur untuk layak menyertai Cabutan Penyimpan Muda?

- a) Pelanggan mestilah berumur antara 12-21 tahun (*Had umur ialah 21 tahun, 11 bulan dan 30 hari*); DAN
- b) Simpanan minimum RM100 di dalam akaun BSN SSP.
- c) Pemegang akaun BSN Smart Junior (BSJ) atau BSN Edusave-i dengan baki akhir minimum RM200 sebelum bulan cabutan akan menerima **gandaan penyertaan**.

8) Apakah syarat kelayakan bagi Cabutan Kesetiaan?

Kategori Kesetiaan	Kelayakan
Infinite	BSN SSP yang telah disimpan selama 20 tahun dan ke atas
Premier	BSN SSP yang telah disimpan selama 10 – 19 tahun.
Signature	BSN SSP yang telah disimpan selama 5 – 9 tahun

- a) Pelanggan perlu membuat simpanan baharu minimum RM10 dalam tahun 2026 untuk melayakkan diri bagi cabutan ini.

9) Siapakah yang layak untuk Cabutan Akaun Gaji?

- a) Pelanggan yang layak untuk Cabutan Akaun Gaji mestilah mempunyai simpanan minimum RM500 dalam akaun BSN SSP dan mempunyai purata baki akhir minimum RM1,000 dalam akaun gaji sebelum bulan cabutan. Baki akhir purata dikira dengan menambah baki akhir dalam akaun gaji BSN pelanggan dan membahagikan dengan tiga (3) bulan untuk mendapatkan baki purata minimum RM1,000; DAN
- b) Pelanggan juga perlu memastikan bahawa terdapat deposit gaji yang konsisten dalam akaun selama tiga (3) bulan yang lalu sebelum bulan cabutan.
- c) Pelanggan juga akan layak untuk **gandaan penyertaan** apabila mereka layak untuk cabutan ini.

10) Apakah syarat kelayakan untuk Cabutan Simpanan Konsisten?

- a) Pelanggan perlu membuat simpanan terkumpul minimum sebanyak RM500 untuk tiga (3) bulan berturut-turut sebelum bulan cabutan.

11) Siapakah pelanggan yang layak untuk Cabutan Kasih?

- a) Pelanggan dari kategori ini adalah khas bagi penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan penerima bantuan kewangan melalui saluran BSN.
- b) Simpanan minimum RM100 diperlukan untuk melayakkan diri.

12) Siapakah pelanggan yang layak untuk Cabutan Guru & Pekerja Barisan Hadapan?

- a) Pelanggan perlu membuat simpanan minimum sebanyak RM500, dan tidak melakukan sebarang pengeluaran dalam tempoh tiga (3) bulan berturut-turut sebelum bulan cabutan.
- b) Guru ditakrifkan sebagai guru tadika / sekolah rendah / sekolah menengah / sekolah swasta / sekolah antarabangsa / sekolah agama yang didaftarkan dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pensyarah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
- c) Pekerja Barisan Hadapan merangkumi anggota Polis, Askar, Bomba, Doktor Perubatan (*termasuk doktor gigi, pakar terapi, pakar optik*), Jururawat dan Pegawai Kastam. Termasuk juga kakitangan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Nota: Untuk melayakkan diri bagi Cabutan Guru & Pekerja Barisan Hadapan, pelanggan dinasihatkan untuk mengemaskini maklumat pekerjaan di mana-mana cawangan BSN berhampiran dengan membawa bukti pekerjaan. Pihak Bank berhak untuk membatalkan kelayakan pelanggan daripada memenangi hadiah bagi Cabutan Guru & Barisan Hadapan sekiranya didapati terdapat penipuan dalam maklumat pekerjaan pelanggan.

13) Apakah kadar keuntungan yang ditawarkan melalui BSN SSP (Tawarruq) untuk tahun 2026?

- a) Tahun ini, BSN SSP menawarkan kadar keuntungan selama 12 bulan berdasarkan kumpulan baki yang boleh dirujuk daripada jadual di bawah:

Kumpulan Baki	Tempoh Pegangan	Kadar Keuntungan setahun
RM5,000 – RM10,000	12 bulan	1.80%
RM10,010 – RM20,000		2.20%
RM20,010 – RM50,000		2.30%
RM50,010 and above		2.50%

Nota: Simpanan hendaklah dibuat dalam satu transaksi.

14) Apakah definisi gandaan penyertaan dan bagaimana cara untuk layak menerimanya dalam BSN SSP 2026?

- a) Definisi gandaan penyertaan ialah pelanggan akan mendapat pengganda 2x pada bilangan sijil semasa mereka untuk meningkatkan peluang mereka memenangi hadiah merentas kategori cabutan.
- b) Untuk 2026, pelanggan boleh menerima peluang berganda daripada kaedah di bawah:
- i) **Cabutan Jutawan (Bulan Ogos)**
 - Pelanggan berumur 40 tahun dan ke bawah yang layak untuk cabutan ini akan menerima gandaan penyertaan dalam bulan cabutan Ogos.
 - Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam Akaun BSN SSP mereka.
 - ii) **Cabutan Akaun Gaji**
 - Pelanggan yang layak untuk cabutan ini akan menerima gandaan penyertaan dalam semua cabutan.
 - Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam Akaun BSN SSP mereka.
 - iii) **Cabutan Simpanan Konsisten**
 - Pelanggan yang layak untuk cabutan ini akan menerima gandaan penyertaan dalam semua cabutan.
 - Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam Akaun BSN SSP mereka.
 - iv) **Bonus Tambahan**
 - Pelanggan perlu membuat simpanan baharu sebanyak RM500 pada tahun 2025 untuk menerima gandaan penyertaan untuk cabutan seterusnya sahaja.
 - Gandaan penyertaan akan diberikan untuk simpanan yang dibuat pada bulan-bulan sebelum tarikh cabutan.
 - v) **Pelanggan 10 tahun dan keatas**
 - Pelanggan yang telah menyimpan dengan BSN SSP selama 10 tahun atau lebih, mereka akan layak mendapat gandaan penyertaan untuk semua cabutan.
 - Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam Akaun BSN SSP mereka.
 - vi) **Cabutan Penyimpan Muda**
 - Pemegang akaun BSN Smart Junior atau BSN Edusave-i dengan baki akhir minimum sebanyak RM200 sebelum tarikh cabutan akan menerima gandaan penyertaan dalam Cabutan Penyimpan Muda.
 - Gandaan penyertaan akan diberikan untuk keseluruhan jumlah dalam Akaun BSN SSP mereka.

Sijil Layak Pelanggan / Penyertaan berdasarkan jadual dibawah:

Nama	Kategori Cabutan	Bulan dan Jumlah Sijil / Penyertaan Layak untuk Pelanggan			
		Jan-26	Feb-26	Mac-26	Apr-26
	Semua sijil / penyertaan adalah dalam gandaan RM10				
Pelanggan 1	Sijil / Penyertaan Biasa	150	200	250	310
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	100	100	100	120
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	300	400	500	620
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	300	400	500	620
	Cabutan Penyimpan Muda (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Jumlah Sijil Layak	850	1,100	1,350	1,670
Pelanggan 2	Sijil / Penyertaan Biasa	150	220	270	340
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	0	140	100	140
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	300	440	540	680
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	300	440	540	680
	Cabutan Penyimpan Muda (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Jumlah Sijil Layak	750	1,240	1,450	1,840
Pelanggan 3	Sijil / Penyertaan Biasa	250	220	270	350
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	100	-	100	160
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	500	440	540	700
	Cabutan Penyimpan Muda (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Jumlah Sijil Layak	850	1,160	910	1,210
Pelanggan 4	Sijil / Penyertaan Biasa	250	360	360	540
	Bonus Tambah Nilai Istimewa (gandaan penyertaan)	110	-	180	200
	Cabutan Akaun Gaji (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Pelanggan 10 tahun ke atas (gandaan penyertaan)	-	-	-	-
	Cabutan Penyimpan Muda (gandaan penyertaan)	500	720	720	1,080
	Jumlah Sijil Layak	860	1,080	1,260	1,820

***Nota: Semua peluang berganda ialah x2 bilangan sijil yang pelanggan layak untuk.**

Rajah diatas adalah sekadar ilustrasi sahaja.

Jadual Mingguan untuk for Cabutan Penyimpan Baharu (*Hadiah Mingguan*)

Kalendar 2026

JANUARI

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

FEBRUARI

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28

MAC

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

APRIL

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
			1	2	3	4
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30		

MEI

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30
31						

JUN

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30				

JULAI

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
			1	2	3	4
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30	31	

OGOS

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
						1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30	31					

SEPTEMBER

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30			

OKTOBER

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
				1	2	3
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

NOVEMBER

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

DISEMBER

AH	IS	SE	RA	KH	JU	SA
		1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		



26 Minggu



25 Minggu

Jumlah Minggu: 51 Minggu